

Headline **Kerajaan Negeri tidak mampu**
Date **23 Apr 2011**
MediaTitle **Sinar Harian (Utara)**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **U19**
Article Size **295 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,623**
PRValue **4,868**



'Kerajaan Negeri tidak mampu'

EWIN SAIFUL

BALING - Kerajaan Negeri tidak mampu menggalas tanggungjawab mengambil alih pentadbiran Universiti Utara Malaysia (UUM) kerana lebih banyak bercakap soal politik sedangkan mereka tidak mampu untuk menunaikan amanah itu.

Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Kedah, Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah, berkata, Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Razak, mesti menyelesaikan isu yang berlaku di UUM dan bukannya bercakap mengenai politik sebaliknya tampil menangani masalah di pusat pengajian itu.

"Kita meminta Kerajaan Negeri tampil menyelesaikan isu berbangkit itu bukannya hanya bercakap kosong seolah-olah tidak mampu mengatasinya.

"Sebagai contoh Kolej Insaniah yang diterajui oleh me-

reka tidak mampu diselesaikan macam mana mereka hendak mengambil alih pentadbiran UUM sebaliknya akan hancur sekiranya Kerajaan Negeri menguruskannya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Program Bersama Penduduk dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP), Mukim Siong, di Desa Keda Ulu Legong, semalam.

Hadir sama, Penyelaras Parlimen Baling, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayu, Azmi Che Husain.

Ahmad Bashah berkata, beliau bimbang UUM akan bermasalah kerana Kerajaan Negeri tidak mampu menunaikan tanggungjawab itu sebaliknya pemimpinnya bercakap untuk menutup kelemahan kerajaan yang ada sekarang.

"Rakyat muak dengan senario politik yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri kerana banyak isu tidak mampu diselesaikan termasuk masalah air," katanya.

Terdahulu ketika berucap pada program itu Ahmad Bashah berkata, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) akan digantikan dengan baru se-

kiranya mereka tidak mampu menggalas tanggungjawab dengan jujur sehingga masyarakat sering merungut gerak kerja yang dilakukan mereka.

Menurutnya, JKKKP yang gagal melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan itu sehingga memberi kesan kepada masyarakat akan diambil tindakan dan menukarkan mereka dengan pemimpin yang bar.

"Kita tidak teragak-agak untuk menukarkan JKKKP yang gagal menunaikan amanah yang diberikan dan enggan memberi komitmen membantu kerajaan meneruskan kesinambungan perjuangan kepada rakyat.

"Amanah yang diberikan perlu dilaksanakan dengan jujur supaya masyarakat setempat percaya segala kerja yang dilakukan itu bukan untuk kepentingan sendiri sebaliknya masyarakat di kawasan masing-masing," katanya.

Menurutnya, JKKKP adalah mata telinga kerajaan yang mampu membantu merealisasikan hasrat kerajaan untuk rakyat supaya matlamat sebenar akan tercapai.

Ahmad Bashah berkata, mereka perlu bekerja kuat mendukung kerajaan supaya perancangan yang dilakukan itu dapat dijayakan.

Headline **Kerajaan Negeri tidak mampu**
Date **23 Apr 2011**
MediaTitle **Sinar Harian (Utara)**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **U19**
Article Size **295 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,623**
PRValue **4,868**



■ Ahmad Bashah (kiri) bersalam dengan penduduk sempena program bersama penduduk dan JKKKP Mukim Siong di Dewa Ulu Legong, semalam.